

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 22 JANUARI 2024  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
PAUTAN : <https://www.sinarharian.com.my/article/645601/berita/nasional/penjawat-awam-diminta-kemas-kini-padu>

### Penjawat awam diminta kemas kini PADU



Semua penjawat awam diminta agar mengemaskini maklumat dan data di dalam Sistem PADU selewat-lewatnya 15 Februari ini. Gambar fail Bernama (Gambar kecil: Wan Ahmad Dahlan)

PUTRAJAYA - Semua penjawat awam diminta agar mengemaskini maklumat dan data di dalam Sistem Pengkalan Data Utama (PADU) selewat-lewatnya 15 Februari ini.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz menerusi surat edaran bertarikh 17 Januari memaklumkan ia selaras peluncuran PADU pada 2 Januari lalu.

"Serentak dengan peluncuran tersebut sistem PADU telah dibuka untuk membolehkan rakyat mendaftar dan mengemaskini maklumat individu dan isi rumah," katanya sambil menambah ia penting bagi menjayakan inisiatif PADU.

Pendaftaran PADU dibuka secara langsung bermula Selasa sehingga 31 Mac ini bagi membolehkan orang ramai mengemas kini serta mengesahkan 39 item maklumat peribadi seperti nombor kad pengenalan, bilangan isi rumah dan alamat.

Semua rakyat yang berumur 18 tahun ke atas perlu mendaftar dan membuat semakan data di portal PADU.

Sistem tersebut mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia, merupakan pangkalan data sosio ekonomi negara yang bersepadu dengan menggabungkan data dari jabatan dan agensi kerajaan bagi memberikan gambaran seadilnya mengenai kedudukan sosio ekonomi setiap isi rumah rakyat Malaysia.